

20/08/1997

Exchange Square lambang keunggulan BSKL

Kadir Dikoh

KIRA-kira jam 9 malam Jumaat lalu, suasana di Bukit Kewangan di tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur bagaikan berpesta dengan bermandikan cahaya berwarna-warni hasil percikan bunga api dalam suasana udara yang berjerebu.

Pertunjukkan selama 15 minit sempena perasmian Exchange Square, bangunan baru Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berharga RM150 juta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad amat menakjubkan apatah lagi menggunakan sistem bunyi yang canggih mengiringi tembakan mercun. Pada satu ketika sistem cahaya ultra yang menghala ke dinding bangunan menunjukkan lakaran "bull" (lembu jantan), walaupun hakikatnya pasaran saham kini agak lembab dan Indeks Komposit yang menjadi petunjuk utama BSKL turun ke bawah paras 1,000 mata sejak tiga minggu lalu.

"Bull" dan "bear" (beruang) adalah simbol yang paling dikenali di pasaran saham. Bila disebut "bullish" maka ertinya pasaran naik dan "bearish" pula pasaran menurun.

Suasana di panggung terbuka ketika itu amat meriah dan pemain pasaran atau pengurus dana mahupun pemilik syarikat yang disenarai sama ada firma gergasi atau kecil, antara kira-kira 1,000 orang yang hadir, mungkin melupakan seketika kelembapan pasaran.

Apapun diperkatakan mengenai pasaran sekarang, bangunan baru tersergam indah itu tetap menjanjikan kekukuhan masa depan ekonomi negara. Malah, bangunan baru itu mencatat detik yang penting dalam sejarah BSKL.

Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff.

Bangunan 16 tingkat itu direka secara neo-klasik, mencerminkan keabadian dan kestabilan. Ia juga mengilhamkan keyakinan dan kepercayaan di dalam usaha BSKL untuk menjadi sebuah bursa terulung di dunia.

Bangunan itu dilengkapi dengan ciri teknologi tinggi bagi mempertingkatkan tahap kecekapan di dalam operasi BSKL. Lantai yang ditinggikan, dilengkapi di semua ruang pejabat bagi kemudahan pemasangan sistem komputer serta telekomunikasi.

Kemudahan tempat untuk seminar dan mesyuarat turut diwujudkan bagi membolehkannya mengadakan program pendidikan awam secara dalaman.

Selain itu, ia juga menempatkan galeri maklumat, sebuah pusat maklumat setempat industri sekuriti Malaysia yang mana kebanyakan bahan pameran di reka menggunakan teknologi multi media terkini.

Galeri itu juga merangkumi sebuah perpustakaan khusus yang terbaik di dalam industri sekuriti tempatan. Galeri dilengkapi sepenuhnya sebagai sebuah pusat pencarian maklumat dan sebuah pusat pendidikan awam.

Satu ciri unik di kawasan bangunan ini ialah pembinaan sebuah panggung terbuka. Terletak di bahagian luar bangunan, panggung terbuka itu dilengkapi dengan beberapa ciri air terjun yang menjadi simbol wang atau sumber kewangan selain sebuah ukiran khas "Bull" dan "Bear".

Keseluruhan kawasan bangunan Exchange Square terletak di sebuah kawasan yang dikenal pasti oleh kerajaan sebagai Bukit Kewangan. BSKL bersedia menjadi nukleus di pusat kewangan ini dengan kawasan sekitarnya ditetapkan oleh kerajaan bagi pembinaan bangunan institusi kewangan yang besar.

"Kedudukannya yang strategik dikelilingi institusi kewangan memberi petunjuk bahawa satu pusat kewangan di Kuala Lumpur dilahirkan," kata Nik Mohamed Din di upacara perasmian itu."

Sesungguhnya kata beliau, bangunan itu mempunyai kelebihan yang

tersendiri kerana perancangan untuk membinanya mengambil kira pelbagai aspek dari segi ekonomi dan sosial.

Bagaimanapun katanya, idea untuk memiliki bangunan sendiri itu sudah lama difikirkan bermula sejak awal 1980-an.

Masalah untuk mendapatkan tanah dan lokasi strategik di pusat bandar raya juga dihadapi BSKL.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi peruntukan sebidang tanah bagi membolehkan pembinaan bangunan baru itu yang direka bentuk oleh arkitek Idris Bhat & Associates.

Sementara itu, BSKL juga mempunyai logo baru yang dilancarkan oleh Anwar baru-baru ini. Teras kepada reka bentuk itu ialah glob yang melambangkan pembabitan industri dalam dunia. Glob itu berbentuk bujur dan diserongkan untuk melambangkan sifat dinamik dan pergerakan.

(END)